

Raih emas sebab mesra pengguna

Sekolah Rendah Tampines dapat Anugerah Reka Bentuk Universal

Oleh **NURUL DAYANA SIMANGOON**
dayans@sph.com.sg

CIRI-CIRI mesra pengguna yang sesuai bukan sahaja bagi para pelajar malah bagi orang ramai dan golongan kurang upaya.

Demikian keistimewaan yang ada pada reka bentuk Sekolah Rendah Tampines hingga ia menjadi sekolah awam pertama merangkul pingat emas dalam Anugerah Reka Bentuk Universal (UD) baru-baru ini.

Ciri-ciri mesra itu termasuk sebuah teater studio serbaguna yang dimuatkan dengan kemudahan bagi golongan kurang upaya, seperti tandas khas dan loceng



AMBIL BERAT KEPERLUAN PENGGUNA: Antara ciri mesra pengguna yang disediakan Sekolah Rendah Tampines ialah bilik air bagi kaum lelaki yang turut dimuatkan dengan ruang menukar lampin bayi. – Foto BCA

kecemasan berlampu bagi golongan cacat pendengaran.

Sekolah tersebut juga dimuatkan dengan tempat-tempat letak

kereta bagi seisi keluarga, tempat duduk bayi dalam tandas, ruang menukar lampin bayi dan tandas khas bagi golongan cacat.

Malah, menurut syarikat yang menghasilkan reka bentuk sekolah itu, CPG Consultants, ia turut dimuatkan dengan bilik keluarga khas bagi guru yang ingin menyusukan bayi.

Anugerah mengiktiraf pencapaian sesebuah bangunan dalam menyediakan kemudahan mesra pengguna itu diberikan Penguasa Bangunan dan Pembinaan (BCA).

Ia bakal disampaikan oleh Menteri Negara Kanan (Pembangunan Negara), Cik Grace Fu, Rabu ini.

Selain sekolah tersebut, bangunan City Square Mall dan City Green turut menerima anugerah emas.

“Kami berbesar hati kerana para pelajar, guru, kakitangan sekolah, ibu bapa dan seluruh masyarakat Tampines dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan di Sekolah Rendah Tampines,” ujar Konsultan Kanan CPG Consultants, En-cik Cho Cheong Kong.